

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan

Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar akan dibincangkan dalam bab ini. Perbincangan meliputi kesilapan yang dilakukan secara umum dan diikuti keputusan analisis data secara terperinci dari aspek kesilapan penggunaan *kata pemerl*, *kata sendi* di, dan *kata jamak*. Seterusnya pengkaji akan memperlihatkan contoh-contoh kesilapan dan membina semula ayat-ayat tersebut supaya menjadi ayat yang gramatis. Akhir sekali, pengkaji akan menjelaskan punca-punca berlakunya kesilapan tersebut.

4.2 Analisis Data

Penganalisaan data akan dibincangkan dari dua aspek iaitu analisis secara menyeluruh dan secara terperinci.

4.2.1 Analisis Data Secara Menyeluruh

Kesilapan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar secara menyeluruh ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah. Kekerapan kesilapan dikategorikan kepada tiga

kategori utama yang dikaji iaitu :

- a) Kesilapan penggunaan *kata pemeri*
- b) Kesilapan penggunaan *kata sendi di*
- c) Kesilapan penggunaan *kata jamak*

**Jadual 1 : Kesilapan kata pemeri, kata sendi *di*,
dan kata jamak secara keseluruhan**

Jenis-Jenis Kesilapan	Kekerapan Kesilapan	Peratus Kesilapan
Kesilapan penggunaan kata pemeri	54	19.4
Kesilapan penggunaan kata sendi <i>di</i>	161	57.7
Kesilapan penggunaan kata jamak	64	22.9
Jumlah	279	100

Berdasarkan Jadual 1, sebanyak 279 kesilapan tatabahasa telah dilakukan oleh pelajar. Antara ketiga-tiga aspek kesilapan tersebut, kesilapan penggunaan *kata sendi di* memperlihatkan jumlah paling banyak iaitu 161 kesilapan (57.7 %), diikuti kesilapan penggunaan *kata jamak* sebanyak 64 (22.9 %) dan kesilapan penggunaan *kata pemeri* sebanyak 54 (19.4 %).

4.2.2 Analisis Data Secara Terperinci

Setiap kesilapan kata yang dikaji akan dikelaskan kepada beberapa jenis kesilapan. Dalam bahagian ini pengkaji akan menganalisis setiap jenis kesilapan tersebut yang digolongkan dalam kesilapan penggunaan *kata pemeri*, *kata sendi di*, dan *kata jarak*.

4.2.2.1 Kesilapan Penggunaan Kata Pemeri

Jadual 2 : Kesilapan penggunaan kata pemeri

Kesilapan Penggunaan Kata Pemeri	Kekerapan Kesilapan	Peratus Kesilapan
ialah	22	40.7
adalah	08	14.8
bersama kata nafi	02	3.7
yang bersifat kelewahan	22	40.7
Jumlah Keseluruhan	54	100

Berdasarkan jadual 2, sejumlah 54 kesilapan penggunaan kata pemeri telah dikesan. Kesilapan tersebut dipecahkan kepada empat kategori iaitu kesilapan

penggunaan kata pemerl *ialah*, kesilapan penggunaan kata pemerl *adalah*, kesilapan penggunaan kata pemerl bersama kata nafi dan kesilapan penggunaan yang bersifat kelewanan.

Secara perbandingan, kesilapan penggunaan kata pemerl *ialah* dan kesilapan penggunaan kata pemerl yang bersifat kelewanan mencatat kesilapan yang sama banyak iaitu 22 kali (40.7 %), diikuti kesilapan penggunaan kata pemerl adalah sebanyak 08 (14.8 %), dan kesilapan penggunaan kata pemerl bersama kata nafi sebanyak 02 (3.7 %).

4.2.2.2 Kesilapan Penggunaan Kata Sendi *di*

Jadual 3 : Kesilapan penggunaan kata sendi *di*

Kesilapan penggunaan sendi nama <i>di</i>	Kekerapan Kesilapan	Peratus Kesilapan
kerana merapatkan dengan perkataan yang menunjukkan tempat atau arah	36	22.4
kerana menggantikan awalan <i>di</i> dalam kata kerja pasif	63	39.1
yang menunjukkan masa atau tempat	27	16.8
disebabkan oleh pengabaian penggunaan sendi nama <i>di</i> itu sendiri	35	21.7
Jumlah	161	100

Jadual 3 memperlihatkan 161 kesilapan penggunaan kata sendi telah dilakukan oleh pelajar. Daripada 167 kesilapan tersebut, kesilapan yang mencatat bilangan paling banyak ialah kesilapan penggunaan sendi nama *di* kerana menggantikan awalan *di* dalam kata kerja pasif sebanyak 63 kesilapan (39.1 %) diikuti kesilapan penggunaan sendi nama *di* kerana merapatkan dengan perkataan yang menunjukkan tempat atau arah sebanyak 36 kali (22.4 %), kesilapan disebabkan oleh pengabaian penggunaan sendi nama *di* sebanyak 35 kali (21.7 %) dan akhir sekali kesilapan penggunaan sendi nama *di* yang menunjukkan masa atau tempat sebanyak 27 kesilapan (16.8 %)

4.2.2.3 Kesilapan Penggunaan Kata Jamak

Jadual 4 : Kesilapan penggunaan kata jamak

Jenis-Jenis Kesilapan	Kekerapan Kesilapan	Peratus Kesilapan
Pengulangan kata nama yang berlebihan	05	7.8
Pengulangan kata yang didahului oleh kata bilangan jamak	14	21.9
Penggunaan kata yang sudah menunjukkan maksud jamak	45	70.3
Jumlah	64	100

Berdasarkan jadual tersebut sebanyak 64 kesilapan penggunaan kata jamak dilakukan oleh pelajar. Daripada jumlah tersebut, 05 kesilapan (7.8%) disebabkan pengulangan kata nama yang berlebihan, 14 kesilapan (21.9%) berpunca daripada kesilapan penggunaan kata yang didahului oleh kata bilangan jamak, dan 45 kesilapan (70.3%) disebabkan pengulangan kata yang sudah menunjukkan maksud jamak. Secara perbandingan, kesilapan penggunaan kata yang sudah menunjukkan maksud jamak mencatat peratusan kesilapan yang paling tinggi.

4.3 Huraian Kesilapan

Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar akan diuraikan secara terperinci dalam bahagian ini. Contoh-contoh kesilapan ayat akan diperlihatkan dan ayat tersebut akan dibina semula supaya menjadi ayat yang gramatis.

4.3.1 Kesilapan Penggunaan Kata Pemeriksa *ialah* dan *adalah* dalam Pembinaan Ayat

Kekerapan kesilapan penggunaan kata pemeriksa yang dilakukan oleh pelajar ditunjukkan dalam jadual 2. Walaupun kata ini sudah lazim digunakan, namun masih terdapat kekhilafan di kalangan pelajar dan penggunaannya tidak mengikut aturan nantu bahasa Melayu.

Menurut Tatabahasa Dewan (1994), kedua-dua kata ini termasuk dalam kelompok kata prafrasa atau perkataan yang diletakkan pada awal atau depan frasa. Kata Prafrasa ialah sejumlah perkatan yang diletakkan di hadapan frasa sama ada frasa nama, frasa sendi atau frasa adjektif. Perkataan-perkataan ini (*ialah*, *adalah*) merupakan unsur yang menjadi pemerluri hal atau perangkai antara subjek frasa utama dalam predikat (Nik Safiah Karim et. al, 1994).

4.3.1.1 Kesilapan Penggunaan Kata Pemerluri *ialah*

Walaupun kata pemerluri digunakan untuk memerluri subjek dengan frasa, namun ada aturan dalam penggunaannya. Mengikut aturan nahu Bahasa Melayu (BM), kata pemerluri *ialah* hanya boleh digunakan sebagai penghubung antara subjek dengan frasa nama (FN). Contoh penggunaan kata pemerluri *ialah* yang betul berdasarkan karangan pelajar adalah seperti berikut:

1. Tempat yang menjadi tumpuan utama pelancong di Langkawi *ialah* Pantai Tanjung Rhu, Makam Mahsuri, dan Pekan Kuah.
2. Antara bukti yang menunjukkan kesungguhan kerajaan *ialah* kerajaan telah melaksanakan beberapa program khas untuk mengatasi masalah pencemaran sungai.

3. Faktor utama yang menarik perhatian pelancong ke Langkawi *ialah* pantainya yang bersih dan cantik.

Berdasarkan ketiga-tiga ayat di atas, kata pemerlui *ialah* telah diletakkan di hadapan frasa nama (FN) iaitu frasa nama *Paritai Tanjung Rhu* (ayat 1), frasa nama *kerajaan* (ayat 2) dan frasa nama *pantainya* (ayat 3). Oleh itu, penggunaan kata pemerlui *ialah* dalam ayat-ayat tersebut adalah tepat.

Walau bagaimanapun, terdapat pelajar menggunakan kata pemerlui *ialah* untuk menggabungkan subjek dengan frasa sendi (FS) atau frasa adjektif (FA). Penggunaan tersebut adalah salah. Contoh ayat-ayat yang salah telah dibintangkan seperti di bawah:

*4. Saya mernilih Pulau Langkawi sebagai destinasi percutian *ialah* untuk menenangkan fikiran di samping dapat membeli-belah.

*5. Tujuan peraduan ini dianjurkan *ialah* untuk menarik perhatian orang ramai supaya membeli majalah tersebut.

Kedua-dua contoh tersebut memperlihatkan kesilapan penggunaan kata pemerlui *ialah* oleh pelajar. Kata pemerlui yang digunakan dalam ayat-ayat tersebut adalah untuk menghubungkan subjek dengan frasa sendi (FS). Oleh itu, pelajar

sepautnya menggunakan kata pemerl *adalah* bukannya *ialah*. Ayat-ayat tersebut seharusnya berbunyi :

4. Saya memilih Pulau Langkawi sebagai destinasi percutian *adalah* untuk menenangkan fikiran di samping dapat membeli belah.
5. Tujuan peraduan ini dianjurkan *adalah* untuk menarik perhatian orang ramai supaya membeli majalah tersebut.

4.3.1.2 Kesilapan Penggunaan Kata Pemerl *adalah*

Penggunaan kata pemerl *adalah* pula adalah untuk menjadi penghubung antara subjek dengan frasa adjektif atau frasa sendi nama. Contoh-contoh penggunaan kata pemerl *adalah* yang betul seperti yang ditulis oleh pelajar adalah seperti berikut :

6. Tujuan saya menyertai peraduan tersebut *adalah* untuk mengisi masa lapang di samping mencuba nasib.
7. Pelancong yang datang ke sini *adalah* untuk beristirehat di samping membeli belah.

8. Mungkin jawapan yang diberi oleh peserta lain *adalah* salah.

Seperti yang jelas kelihatan dalam ayat-ayat tersebut, , kata pemerl *adalah* diletakkan di hadapan frasa sendi *untuk* dan frasa adjektif salah.

Penggunaan kata pemerl *adalah* akan menjadi salah apabila kata tersebut digunakan untuk menghubungkan subjek dengan frasa yang lain selain daripada frasa sendi dan frasa adjektif. Ayat-ayat yang dibintangkan di bawah merupakan contoh ayat yang salah.

* 9. Bangunan tinggi yang tersergam indah berhampiran Pekan Kuah *adalah* Hotel Sea View.

* 10. Rosana *adalah* anak saudara saya yang kini sedang bekerja di sana.

Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar berdasarkan ayat-ayat di atas jelas kelihatan kerana meletakkan kata pemerl *adalah* di hadapan frasa nama. Setelah dibuat pembetulan, ayat tersebut seharusnya seperti berikut :

9. Bangunan tinggi yang tersergam indah berhampiran Pekan Kuah *ialah* Hotel Sea View.

10. Rosana *ialah* anak saudara saya yang kini sedang bekerja di sana.

Dengan demikian jelas kepada kita bahawa kata pemerlui *ialah* hadir di hadapan FN sahaja, manakala kata pemerlui *adalah* hadir di hadapan FS dan FA. Hal ini juga bermakna *adalah* tidak boleh hadir di hadapan FN dan *ialah* tidak boleh diletakkan di hadapan FS atau FA. Walaupun peraturan tersebut sudah jelas, namun masih terdapat pelajar yang terkeliru bentuk penggunaannya dan ada kalanya digunakan secara tukar ganti seolah-olah kedua-dua kata pemerlui itu bersifat sinonim.

4.3.1.3 Kesilapan Penggunaan Kata Pemerlui Bersama Kata Nafi

Menggunakan kata pemerlui bersama-sama kata nafi merupakan satu lagi kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Ayat yang dibintangkan di bawah dianggap salah kerana kata pemerlui digunakan bersama-sama kata nafi.

- * 11. Kita hendaklah memahami *adalah bukan* Jabatan Parit dan Saliran sahaja yang bertanggung jawab untuk menjaga kebersihan sungai, tetapi masyarakat juga mestilah memikul tanggungjawab tersebut.

sepaututnya :

11. Kita hendaklah memahami bahawa bukan Jabatan Parit dan Saliran sahaja yang bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan sungai tetapi masyarakat juga mestilah memikul tanggungjawab tersebut.

Walau bagaimanapun, sebagai kekecualiannya jika kata nafi itu diikuti oleh frasa adjektif, maka penggunaan kata pemerlui dibenarkan dan tidak menyalahi peraturan tatabahasa BM. Contohnya :

12. Pendapat yang mengatakan di Malaysia tidak ada destinasi percutian yang menarik *adalah* tidak benar.

4.3.1.4 Kesilapan Penggunaan yang Bersifat Kelewahan

Selain daripada kesilapan di atas, didapati terdapat juga pelajar yang meletakkan kata pemerlui di tempat yang tidak diperlukan. Penggunaan ini boleh ditakrifkan sebagai penggunaan yang bersifat kelewahan. Perhatikan contoh-contoh ayat yang ditulis oleh pelajar seperti yang dibintangkan di bawah :

- *13. Masalah pencemaran *adalah* merupakan masalah yang serius.

Sepatutnya : Masalah pencemaran sungai merupakan masalah yang serius.

- *14. Pemandangan di tepi pantai di Pulau Langkawi pada waktu senja *adalah* sungguh mempersonakan.

Sepatutnya : Pemandangan di tepi pantai di Pulau Langkawi pada waktu senja sungguh mempersonakan.

- *15. Kempen 'Cintailah Sungai Kita' *adalah* merupakan satu langkah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kebersihan sungai.

Sepatutnya : Kempen 'Cintailah Sungai Kita' merupakan satu langkah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kebersihan sungai.

- *16. Replika Helang yang dibina berhampiran jeti *adalah* menjadi mercu tanda Pulau Langkawi.

Sepatutnya : Replika Helang yang dibina berhampiran jeti menjadi mercu tanda Pulau Langkawi.

Berdasarkan contoh-contoh tersebut, penggunaan *adalah* tidak diperlukan. Dalam ayat 13 misalnya, penggunaan *adalah* tidak diperlukan. Ayat tersebut sudah memadai jika dibina dengan dua frasa iaitu :

Masalah pencemaran + merupakan masalah yang serius.

Penggunaan kata *adalah* dalam ayat-ayat tersebut dikatakan bersifat kelebihan kerana penggunaannya tidak membawa apa-apa maksud, malah merosakkan kelancaran ayat-ayat tersebut. Selain itu, penggunaannya tidak pula menjadikan bahasa itu indah ataupun melancarkan proses komunikasi.

Kesilapan penggunaan kata pemerluri berlaku berpunca daripada kejahanan pelajar tentang peraturan tatabahasa BM. Pelajar mungkin mengandaikan penggunaan kata pemerluri dibolehkan dalam semua keadaan. Dalam hal ini, terdapat juga antara pelajar yang berhujah bahawa meninggalkan kata pemerluri akan mencacatkan ayat dan menyebabkan ayat tersebut menjadi janggal. Pandangan tersebut tidak tepat kerana rumus tatabahasa tidak tertakluk kepada rasa janggal, rasa sedap, atau tidak sedap.

Fenomena ini berlaku mungkin juga disebabkan pengaruh bahasa Inggeris. Seperti yang diketahui umum, kata *gerund* seperti *am, is, are, was*, dan *were* terdapat dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, terdapat kecenderungan di kalangan pelajar untuk memadankan kata-kata tersebut dengan kata pemerluri *ialah* atau *adalah*. Amalan tersebut tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya.

4.3.2 Kesilapan Penggunaan Sendi Nama *di*

Seperti yang ditegaskan sebelum ini, kajian terhadap kesilapan penggunaan kata sendi *di* adalah berdasarkan empat kategori kesilapan iaitu:

1. Kesilapan penggunaan kata sendi *di* kerana merapatkannya dengan perkataan yang menunjukkan tempat atau arah.
2. Kesilapan penggunaan kata sendi *di* kerana menggantikan imbuhan awalan *di* dalam kata kerja pasif.
3. Kesilapan penggunaan sendi nama *di* yang menunjukkan masa atau tempat .
4. Kesilapan penggunaan sendi nama *di* yang disebabkan oleh pengabaian penggunaan sendi nama *di* itu sendiri.

4.3.2.1 Kesilapan Penggunaan Sendi Nama *di* kerana Merapatkannya dengan Perkataan yang Menunjukkan Tempat atau Arah

Menurut Nik Safiah Karim (1992) sendi nama *di* digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat atau arah dan ditulis

terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya. Kajian menunjukkan kekerapan kesilapan dalam kategori ini paling serius dilakukan oleh pelajar. Contoh kesilapan yang dilakukan oleh pelajar adalah seperti berikut:

Jadual 5 : Contoh kesilapan penggunaan sendi *sendi namadi* kerana dirapatkan dengan perkataan yang menunjukkan tempat atau arah

Salah	Betul
diatas	di atas
dibawah	di bawah
didalam	di dalam
disana	di sana
disini	di sini
dibelakang	di belakang
dihotel	di hotel
dipulau	di pulau
dikawasan	di kawasan

Contoh-contoh dalam jadual 5 menunjukkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar iaitu menulis kata sendi *di* serangkai dengan kata nama yang menyusulinya. Kesilapan ini disebabkan pelajar tidak dapat membezakan antara kata nama dengan kata kerja. Pelajar menganggap kata nama sebagai kata kerja lalu menulis *di* dengan merapatkannya dengan kata yang mengikutinya.

Fenomena ini berlaku juga disebabkan oleh sikap pelajar yang ambil mudah atau tidak memahami penggunaan kata sendi *di*. Oleh itu, ketidakselarasan penggunaan kata sendi *di* akan berlaku. Misalnya, untuk menulis perkataan *di tempat* dan *di kawasan*, ada ketikanya sendi nama *di* dijarakkan menjadi *di tempat* dan *di kawasan* (penggunaan yang betul), tetapi pada ketika yang lain pula didekatkan menjadi *ditempat* dan *dikawasan* (penggunaan yang salah). Penggunaan yang tidak konsisten ini menggambarkan sikap pelajar yang mengambil mudah terhadap peraturan penggunaan tatabahasa BM.

4.3.2.2 Kesilapan Penggunaan Kata Sendi Nama *di* kerana Menggantikan

Awalan *di* dalam Kata Kerja Pasif

Kajian yang dilakukan jelas menunjukkan bahawa pelajar tidak dapat membezakan penggunaan antara kata sendi nama dengan imbuhan. Pelajar gagal membezakan penggunaan sendi nama *di* dan imbuhan *di* yang membentuk kata kerja pasif. Rata-rata pelajar terkeliru oleh penggunaan *di* sebagai imbuhan awalan. Contoh-contoh ayat yang dibintangkan di bawah jelas menunjukkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar.

* 17. Peluang keemasan ini merupakan peluang yang *di nanti-nantikan*.

- *18. Kawasan tersebut perlu *di bersihkan* dari semasa ke semasa.
- *19. Kedatangan pelancong ke pulau tersebut *di alu-alukan* oleh peniaga di situ.

Berdasarkan ayat-ayat di atas, awalan pasif *di* iaitu *di nanti-nantikan*, *di bersihkan*, dan *di alu-alukan* ditulis terpisah daripada kata kerja pasif yang menyusulinya. Hal ini salah kerana awalan pasif *di* tidak bertaraf perkataan. Di samping itu, perkataan-perkataan tersebut juga tidak disusuli oleh kata nama atau frasa nama, tetapi disusuli oleh kata kerja. Oleh itu, penulisan yang betul ialah *dinanti-nantikan*, *dibersihkan* dan *diahu-alukan*. Kesilapan-kesilapan tersebut jelas menunjukkan pelajar terkeliru dan gagal membezakan antara sendi nama *di* dengan imbuhan awalan *di*. Pelajar menjarakkan *di* kerana menganggapnya sebagai sendi nama sedangkan *di* dalam ayat berkenaan berupa imbuhan awalan.

Contoh kesilapan lain yang dilakukan oleh pelajar adalah seperti berikut:

Jadual 6 : Kesilapan sendi nama *di* untuk menggantikan awalan *di* dalam kata kerja pasif.

Salah	Betul
di perlukan	diperlukan
di usahakan	diusahakan
di masukkan	dimasukkan
di lihat	dilihat
di kagumi	dikagumi
di lepaskan	dilepaskan

4.3.2.3 Kesilapan Penggunaan Sendi Nama *di* yang Menunjukkan Masa dan Tempat

Menggunakan sendi nama *di* untuk menunjukkan masa atau tempat merupakan satu lagi kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Menurut Nik Safiah Karim (1986) dan Awang Sariyan (1982) penggunaan kata sendi nama yang sesuai untuk menunjukkan masa dan tempat ialah *pada* bukannya *di*. Contoh berikut jelas menunjukkan kesilapan yang telah dilakukan oleh pelajar.

* 20. Saya bercadang untuk bercuti di Pulau tersebut *di akhir* bulan ini.

* 21. *Di saat* itu saya berasa sayalah orang yang paling bertuah .

- * 22. Saya tidak menyangka bahawa jawapan yang ditulis *di borang* tersebut telah mendatangkan tuah kepada saya.
- * 23. Poster-poster tentang keindahan Langkawi yang ditampal *di papan iklan* menarik perhatian saya.

Perkataan *di akhir* dan *di saat* dalam ayat 20 dan 21 menunjukkan keterangan waktu manakala perkataan *di borang* dan *di papan iklan* dalam ayat 22 dan 23 menunjukkan keterangan tempat. Oleh itu, penggunaan kata sendi *di* dalam ayat-ayat tersebut adalah salah dan penggunaan yang betul ialah *pada*. Setelah dibetulkan ayat-ayat tersebut akan berbunyi:

- 20. Saya bercadang untuk bercuti di pulau tersebut *pada* akhir bulan ini.
- 21. *Pada* saat itu saya berasa sayalah orang yang paling bertuah.
- 22. Saya tidak menyangka bahawa jawapan yang ditulis *pada* borang tersebut telah mendatangkan tuah kepada saya.
- 23. Poster-poster tentang keindahan Langkawi yang ditampal *pada* papan iklan menarik perhatian saya.

Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar mungkin kerana terpengaruh oleh percakapan atau perbualan yang tidak mementingkan penggunaan bahasa yang betul ataupun sikap penutur yang sengaja memilih perkataan yang mudah dan tidak mempunyai suku kata yang banyak. Pelajar lebih selesa menggunakan sendi nama *di* kerana hanya mempunyai satu suku kata sahaja. Bentuk penggunaan yang salah ini akan terbawa-bawa hingga ke dalam penulisan.

4.3.2.4 Kesilapan Penggunaan Sendi Nama *di* yang Disebabkan oleh

Pengabaian Penggunaan Sendi Nama *di* itu Sendiri

- *24. Saya memilih percutian *dalam* negeri adalah untuk menjimatkan perbelanjaan.
- *25. Kita akan dapat melihat sampah-sarap *dalam* sungai sekiranya kita berdiri *tebing* sungai.
- *26. *Manakah* tempat percutian yang menarik di Malaysia ?

Ayat-ayat yang dibintangkan di atas menunjukkan pengabaian penggunaan sendi nama *di*. Penggunaan sendi nama *di* tidak diletakkan pada perkataan yang memerlukan sendi nama tersebut untuk menjadikan ayat-ayat tersebut gramatis.

Perkataan *dalam* (ayat 24), *dalam* dan *tebing* (ayat 25), dan *manakah* (ayat 26) merupakan kata nama yang menunjukkan tempat dan arah. Oleh itu, pelajar sepatutnya meletakkan sendi nama *di* sebelum kata nama tersebut.

Ayat-ayat 24 - 26 seharusnya ditulis begini:

24. Saya memilih percutian *di dalam* negeri adalah untuk menjimatkan perbelanjaan.
25. Kita akan dapat melihat sampah-sarap *di dalam* sungai sekiranya kita berdiri *di tebing* sungai.
26. *Di manakah* tempat percutian yang menarik di Malaysia ?

4.3.3 Kesilapan Penggunaan Kata Jamak

Kajian kesilapan penggunaan kata jamak dilakukan berdasarkan tiga jenis kesilapan iaitu :

1. Kesilapan pengulangan kata nama yang berlebihan.
2. Kesilapan pengulangan kata yang didahului oleh kata bilangan jamak.
3. Kesilapan penggunaan kata yang sudah menunjukkan maksud jamak.

Pengkaji akan membincangkan dengan terperinci kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar berdasarkan kategori yang dinyatakan di samping memperlihatkan contoh-contoh kesilapan.

4.3.3.1 Kesilapan Pengulangan Kata Nama yang Berlebihan

Dalam rumus tatabahasa BM proses penggandaan dan pengulangan boleh dilakukan untuk membawa maksud jamak. Dalam hal ini, kata dasar boleh mengalami penggandaan penuh atau penggandaan separa. Dalam konteks kajian, kesilapan pengulangan kata nama sering dilakukan oleh pelajar. Contohnya kesilapan adalah seperti ayat-ayat yang dibintangkan di bawah.

* 27. Berdasarkan *faktor-faktor* yang dinyatakan, maka *langkah-langkah* tertentu perlu dilakukan untuk mengatasi pencemaran sungai.

*28. *Guru-guru* perlu menerangkan kepada pelajar tentang kepentingan sungai kepada manusia kerana *guru-guru* merupakan orang yang paling rapat dengan mereka.

Peraturan tatabahasa yang berkaitan dengan bentuk pengulangan ialah kata nama tidak perlu diulang sekiranya sudah terdapat pengulangan kata nama lain dalam

ayat yang sama. Jadi, kesilapan yang dilakukan dalam ayat-ayat tersebut ialah pelajar telah melakukan gandaan pada perkataan *langkah-langkah* dalam ayat 27 sedangkan perkataan *faktor-faktor* telah membawa maksud jamak. Dalam ayat 28 pula, perkataan *guru-guru* pada pertengahan ayat tidak perlu digandakan kerana kata *guru-guru* pada permulaan ayat sudah menunjukkan jamak.

Ayat-ayat tersebut sepatutnya berbunyi:

27. Berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan, maka *langkah* tertentu perlu dilakukan untuk mengatasi pencemaran sungai.

28. Guru-guru perlu menerangkan kepada pelajar tentang kepentingan sungai kepada manusia kerana *guru* merupakan orang yang paling rapat dengan mereka.

4.3.3.2 Kesilapan Pengulangan Kata yang Didahului oleh Kata Bilangan

Jamak

Kajian memperlihatkan terdapat kesilapan pengulangan kata yang telah didahului oleh kata bilangan jamak yang dilakukan oleh pelajar. Menurut Awang Sariyan

(1983), apabila terdapat dalam sesuatu ayat itu kata bilangan yang membawa maksud jamak seperti dua, kedua-dua dan sebagainya, maka kata nama yang mengikutinya tidak boleh diulang atau digandakan. Jika peraturan ini tidak dipatuhi dalam penulisan, bermakna cara penggunaan tersebut adalah salah. Dengan nada yang sama, Arbak Othman (1981) dan Asmah Haji Omar (1980) menegaskan bahawa kata nama dalam sesuatu ayat tidak perlu dijamakkan sekiranya didahului oleh kata bilangan yang bermaksud jamak.

Contoh-contoh yang memperlihatkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar adalah seperti di bawah:

- *29. Beribu-ribu *pelancong-pelancong* akan membanjiri Pulau Langkawi pada musim cuti persekolahan.
- *30. Kelihatan tiga buah *bot-bot* yang membawa penumpang sedang bergerak perlahan-lahan meninggalkan jeti Kuala Kedah menuju ke pulau tersebut.
- *31. Terdapat lebih daripada sepuluh *agensi-agensi* pelancongan yang menawarkan pakej percutian yang menarik.

Berdasarkan contoh-contoh di atas, kesilapan yang dilakukan oleh pelajar adalah kerana menggandakan kata nama *pelancong-pelancong*, *bot-bot*, dan *agensi-*

agensi, sedangkan sudah jelas terdapat kata bilangan yang menunjukkan maksud jamak sebelum perkataan tersebut iaitu *beribu-ribu*, *tiga buah* dan *sepuluh*. Setelah pembetulan dilakukan, ayat-ayat tersebut akan berbunyi:

29. Beribu-ribu *pelancong* akan membanjiri Pulau Langkawi pada musim cuti sekolah.
30. Kelihatan tiga buah *bot* yang membawa penumpang sedang bergerak perlahan-lahan meninggalkan Jeti Kuala Kedah menuju ke pulau tersebut.
31. Terdapat lebih daripada sepuluh *agensi* pelancongan yang menawarkan pakej percutian yang menarik.

4.3.3.3 Kesilapan Penulisan Kata yang Sudah Menunjukkan Maksud Jamak

Dalam BM ada perkataan-perkataan tertentu yang dengan sendirinya sudah sedia membawa maksud jamak. Abdul Halim Mahmood (1990) menjelaskan bahawa perkataan seperti *kumpulan*, *pasukan* dan *para* apabila digunakan dalam ayat-ayat tertentu sudah membawa maksud jamak. Perkataan-perkataan lain yang membawa maksud yang sama ialah *mereka*, *pelbagai*, *bersama-sama* dan

sebagainya. Menurut beliau apabila perkataan jenis ini ditulis dalam ayat, maka kata nama yang mengikutinya tidak boleh diulang atau digandakan.

Walaupun peraturan penggunaan kata tersebut adalah jelas, namun masih terdapat pelajar yang melakukan kesilapan. Perhatikan contoh-contoh ayat yang dibintangkan di bawah:

* 32. Saya bercadang untuk pergi bersama-sama *rakan-rakan* sekolah saya.

*33. Para *ibubapa-ibubapa* patut memainkan peranan penting untuk membentuk disiplin anak-anak mereka.

*34. Pelbagai *langkah-langkah* perlu dilakukan agar masalah ini dapat ditangani.

Berdasarkan contoh-contoh di atas, perkataan *bersama-sama*, *para* dan *pelbagai* merupakan kata yang sedia membawa maksud jamak. Oleh itu, kata nama yang terdapat selepas kata tersebut tidak perlu diulang. Setelah pembetulan dibuat ayat-ayat tersebut akan berbunyi:

32. Saya bercadang untuk pergi bersama-sama *rakan* sekolah saya.

33. Para *ibu bapa* patut memainkan peranan penting untuk membentuk disiplin anak-anak mereka.
34. Pelbagai *langkah* perlu dilakukan agar masalah ini dapat ditangani.

4.4 Punca-Punca Kelemahan Penguasaan Tatabahasa

Perbincangan punca-punca kelemahan penguasaan tatabahasa akan dilihat dari tiga faktor iaitu faktor pelajar, faktor guru-guru, dan faktor sukanan pelajaran.

4.4.1 Faktor Pelajar

Secara umumnya terdapat beberapa sebab kesalahan atau kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam proses pembelajaran. Mengikut Corder, terdapat enam kriteria perlu dilihat dalam perkembangan bahasa pelajar. Daripada kriteria tersebutlah dapat dikesan faktor-faktor yang menyebabkan pelajar melakukan kesilapan. Kriteria tersebut ialah:

1. Generalisasi dan aplikasi yang melampau
2. Tidak tahu akan batasan rumus
3. Pengaplikasian rumus yang tidak lengkap

4. Menghipotesiakan konsep yang palsu
5. Pengaruh bahasa pertama
6. Perubahan struktur bahasa berbanding dengan kelaziman pertuturan

Daripada rumusan umum faktor yang boleh menyebabkan kesalahan bahasa di atas, tidak dapat dinafikan bahawa memang pelajar melakukan perkara yang sama. Faktor atau kriteria yang menjadi penyebab terbesar dalam konteks penulisan ini mungkin "tidak tahu akan batasan rumus" dan "pengaplikasian rumus yang tidak lengkap". Walau bagaimanapun, mungkin dapat ditambah beberapa faktor lain secara luaran yang menyebabkan pelajar melakukan kesilapan. Kadang-kadang faktor sepertikekangan masa, keletihan, jemu, dan ingin cepat pun boleh menyebabkan pelajar secara tidak sedar melakukan kesalahan.

Dalam aspek kesalahan penggunaan kata jamak, antara sebab yang dapat dicerap melalui persampelan dan analisis data ialah pelajar tidak tahu akan cara penggunaan kata jamak. Di kalangan pelajar yang diperhatikan sememangnya ada yang tidak tahu tentang bentuk kata jamak dalam Bahasa Melayu. Malah ada antara mereka, (hasil pemerhatian penulis sebagai guru yang mengajar tingkatan lima) yang menjawab "tidak pasti" apabila disoal tentang bentuk jamak dalam bahasa Melayu. Hakikat ini semakin ketara daripada huraian kesilapan yang menunjukkan bahawa mereka melakukan kesilapan yang sama berulang kali.

Lebih mendukacitakan ialah mereka mengulangi kesilapan bagi perkataan yang sama.

Pengaplikasian rumus yang tidak lengkap juga merupakan satu antara punca kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Di kalangan pelajar ada yang hanya mengetahui rumus tertentu sahaja berkaitan dengan kata jamak. Dengan kata lain mereka tidak tahu secara mendalam tentang rumus-rumus kata jamak. Mereka mungkin tahu tentang perkataan "ramai", "banyak", "semua", "seluruh" dan beberapa perkataan lagi yang mengungkapkan maksud jamak. Mereka tidak tahu bahawa konsep jamak dapat juga muncul melalui kata bilangan dan kata nama ganda.

Dalam hal kesilapan penggunaan kata sendi *di* pula, punca utama berlakunya kesilapan ialah kekeliruan. Kata sendi *di* dan imbuhan pasif *di* merupakan dua bentuk penggunaan yang sering menimbulkan kekeliruan. Hal ini disebabkan pelajar tidak memahami makna kedua-dua konsep tersebut. Apabila diajukan soalan-soalan tentang konsep tersebut, kebanyakan pelajar tidak mengetahui bahawa awalan *di* ialah imbuhan awalan yang digabungkan dengan kata dasar untuk membentuk kata kerja pasif. Mereka juga tidak memahami bahawa kata sendi *di* pula merupakan sejenis kata sendi nama yang digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat atau arah.

Pelajar juga tidak memahami bahawa awalan *di* tidak bertaraf perkataan. Oleh yang demikian, hendaklah ditulis serangkai dengan kata dasar yang menyusulinya. Sementara itu, kata sendi *di* pula bertaraf perkataan dan perlu dipisahkan daripada kata yang mengikutinya.

Daripada penyelidikan yang dibuat didapati kesilapan berlaku juga disebabkan pelajar tidak dapat membezakan antara kata nama dan kata kerja. Ketidakfahaman terhadap kelas kata tersebut menyebabkan mereka merapatkan kata *di* dengan perkataan yang mengikutinya apabila kata nama dianggap sebagai kata kerja.

Daripada penerangan di atas, jelas bahawa pelajar tidak memahami fungsi imbuhan *di* dan kata kerja pasif *di* serta tidak dapat membezakan kelas kata dalam BM. Hal ini menyebabkan mereka menulis awalan *di* dalam kata kerja pasif dengan sewenang-wenangnya dan menimbulkan kesilapan.

Faktor lain yang turut menyumbang berlakunya kesilapan atau kelemahan dalam penguasaan tatabahasa ialah anggapan bahawa BM mudah. Banyak pelajar yang beranggapan sedemikian. Pelajar-pelajar Melayu pula merasakan bahawa BM ialah bahasa ibunda mereka. Mereka boleh bercakap dan membaca dalam BM. Oleh itu, mereka merasakan mereka sudah tahu akan selok belok BM. Mereka

lupa bahawa BM yang mereka gunakan sehari-hari itu sebenarnya tidak baku dan menyimpang daripada BM baku. Penggunaan sedemikian akan terbawabawa hingga ke dalam penulisan.

Faktor dorongan dalam pembelajaran juga menyebabkan kebanyakan pelajar tidak memandang serius terhadap penguasaan BM. Perkara ini dibincangkan dalam tiga dimensi ; (i) untuk mendapatkan pekerjaan, (ii) pengajian tinggi, dan (iii) status masyarakat. Tujuan belajar untuk mendapatkan pekerjaan memang wajar. Sejak kelulusan Bahasa Melayu dengan kepujian dalam peperiksaan SPM dijadikan syarat untuk mendapatkan pekerjaan di sektor kerajaan, mata pelajaran ini mula mempunyai nilai ekonomi. Walau bagaimanapun, syarat ini tidak dikehendaki dalam badan swasta; mereka yang tidak lulus pun boleh mendapatkan pekerjaan juga. Jalan keluar ini menjadikan kelulusan mata pelajaran ini tidak menjadi matlamat mutlak di kalangan pelajar. Aspek kedua ialah bahasa Melayu tidak begitu penting bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara. Misalnya, negara Britain dan Jerman mengutamakan bahasa Inggeris. Tentang aspek ketiga pula, masyarakat memang sentiasa memberikan taraf tertentu kepada sesuatu bahasa. Kita tahu, bahasa Inggeris mempunyai kedudukan yang tinggi berbanding dengan BM. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya pelajar memberi tumpuan yang lebih terhadap bahasa Inggeris berbanding dengan BM.

Kebanyakan guru yang mengajar mata pelajaran BM di tingkatan lima mengeluh apabila persoalan kelemahan pelajar dalam subjek tersebut diajukan kepada mereka. Mereka menyatakan kelemahan-kelemahan tersebut bermula dari peringkat bawah, atau dari sekolah rendah ke tingkatan 1, 2 dan 3. Guru-guru BM peringkat SPM menganggap tingkatan lima sebagai "kuala yang menghimpun sampah sarap dari hulu sungai." Dengan demikian agak sukar dan berat bagi guru-guru di peringkat tingkatan lima hendak membaiki kesalahan yang terhimpun lama.

4.4.2 Kekurangan Guru Bahasa Melayu yang Terlatih

Satu lagi faktor yang menyebabkan pelajar tidak cekap dalam penguasaan BM ialah kekurangan guru opsyen BM. Kekurangan tersebut menyebabkan guru yang bukan opsyen BM ditugaskan untuk mengajar subjek tersebut terutamanya kepada pelajar tingkatan empat. Mutu dan kesan pengajaran Bahasa Melayu yang diajar oleh guru-guru yang tidak dilatih khusus itu tentulah tidak memuaskan. Keadaan inilah yang menyebabkan kelemahan dan ketidakcekapan berbahasa Bahasa Melayu yang sedang berlaku di kalangan pelajar-pelajar pada hari ini.

Perkara ini bukanlah satu tohmahan yang tidak berdasas. Meskipun kebanyakan guru tidak tergemark menyuarakan kelemahan mereka secara terang-terangan,

namun kelemahan mereka dapat dikesan secara tidak langsung melalui soalan atau tugas yang diberikan kepada pelajar. Sebagai contoh, perhatikan arahan dan soalan yang dibina oleh seorang guru BM.

Soalan : Betulkan kesalahan ayat yang berikut, tanpa mengubah struktur ayat dan maksud ayat.

Semasa kami tiba di pulau itu, kami terdengar satu letupan yang amat kuat sekali.

Dalam ayat tersebut, frasa *amat kuat sekali* dianggap salah oleh guru yang membuat soalan. Guru berkenaan memberikan jawapan *amat kuat* atau *kuat sekali* sahaja yang betul. Sekiranya dirujuk buku *Tatabahasa Dewan* Edisi baru, ayat yang dikemukakan itu tiada sebarang kesalahan. Hal ini demikian kerana penggunaan kata adjektif dalam ungkapan darjah penghabisan dapat dilakukan melalui cara berikut iaitu:

amat

sungguh + kata adjektif + sekali

sangat

Contoh yang dikemukakan dalam buku tersebut ialah:

amat pandai sekali

sungguh cergas sekali

sangat merdu sekali.

Selain memperlihatkan ketidakpekaan guru terhadap perkembangan tatabahasa Bahasa Melayu, soalan sedemikian juga akan mengelirukan pelajar yang mengetahui hal tersebut meskipun bilangannya tidak seberapa.

Kelemahan guru dalam hal ini juga kadang kala dapat dikesan daripada buku-buku latihan pelajar yang dibuat semakan. Sebagai contoh, pelajar menulis *sehubungan dengan itu* dalam karangannya tetapi guru telah mengubahnya menjadi *sehubungan itu*, padahal yang digunakan oleh pelajar itu lebih tepat. Banyak lagi contoh yang lain yang sememangnya berlaku disebabkan oleh guru sendiri berasa ragu-ragu tentang sesuatu perkara dalam tatabahasa.

Pengkaji pernah meminta guru BM mengemukakan faktor ketidakmampuan mereka menguasai tatabahasa Bahasa Melayu dengan baik. Pelbagai alasan yang diberikan. Antara alasan yang pasti termasuklah sifat tatabahasa itu sendiri yang mengalami perubahan. Faktor ini memang ada benarnya. Sebagai contoh dalam aspek "penggunaan kata adjektif dalam ungkapan darjah penghabisan". Dalam buku *Tatabahasa Dewan* Jilid II , perkara ini hanya dapat dilakukan mengikut lima cara, manakala dalam buku *Tatabahasa Dewan* Edisi baru, ditambah satu lagi cara menjadi enam. Sekiranya guru membandingkan tatabahasa yang diikuti

pada hari ini dengan tatabahasa Za'ba dahulu, banyak juga perbezaannya terutama dari segi peristilahan, ayat dan lain-lain.

Meskipun perubahan sedemikian tidak dinafikan, tetapi peratusannya adalah kecil. Perubahan demi perubahan yang dilakukan oleh ahli-ahli bahasa tidak dapat dielakkan memandangkan bahawa Bahasa Melayu sedang menuju era pemodenan dan masih dalam proses pemantapan. Dengan demikian perkara itu tidak dapat dijadikan alasan yang kukuh terhadap kelemahan guru dalam menguasai tatabahasa Bahasa Melayu.

Sesetengah guru berterus terang bahawa kelemahan mereka adalah disebabkan kurangnya inisiatif untuk menambahkan pengetahuan dalam bidang tatabahasa. Bagi mereka penguasaan bahasa yang ada pada mereka sudah cukup untuk membolehkan mereka berkomunikasi. Selain itu, kurangnya cabaran pelajar terhadap pengetahuan guru juga merupakan faktor berlakunya fenomena tersebut. Di kalangan guru yang mengajar BM, terdapat guru yang terkini pengetahuan tatabahasanya berbanding dengan guru lain. Apabila disoal, guru yang terkini pengetahuan tatabahasanya mengatakan bahawa beliau terpaksa mengikuti perkembangan tatabahasa BM untuk membolehkannya menjawab pelbagai kemusykilan tatabahasa yang ditanya oleh para pelajarnya. Untuk menambahkan pengetahuannya, guru tersebut terpaksa melanggan majalah-

majalah yang berkaitan dengan bahasa seperti Dewan Bahasa, Pelita Bahasa, Minda Pelajar dan sebagainya.

Oleh kerana terdapat guru yang ditugaskan untuk mengajar BM tidak dilatih untuk mengajar subjek tersebut, maka mereka tidak dibekalkan dengan kaedah pengajaran yang betul. Mereka mencuba-cuba dan mencari-cari kaedah pengajaran yang sesuai untuk digunakan bagi mengajar BM. Dalam hal ini tidak hairanlah sekiranya guru tersebut mengaplikasikan kaedah pengajaran geografi atau sejarah semasa mengajar BM. Sesetengah daripada mereka meneruskan tradisi menggunakan buku teks sebagai bahan pengajaran utama. Dalam pemerhatian pengkaji, ada guru-guru yang menyuruh murid-murid membaca dan menyalin panduan tatabahasa dari buku teks. Hal ini seolah-olah tatabahasa itu diajar seperti mengajar membaca dan menulis. Guru tersebut tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya dalam hal ini kerana mereka dilatih untuk mengajar subjek lain, tetapi keadaan yang menyebabkan mereka terpaksa mengajar BM.

Pengalaman pengkaji sebagai guru BM dan hasil perbincangan dengan guru-guru BM yang lain, ternyata beban tugas guru BM sangat berat. Banyak aspek ketatabahasaan yang hendak ditumpukan, banyak latihan yang perlu diberikan, dan banyak pula pemeriksaan dan pembetulan yang hendak dibuat. Oleh sebab bilangan guru Bahasa Melayu kurang, seorang guru dipertanggungjawabkan

mengajar banyak kelas. Bilangan pelajar dalam satu-satu kelas pula hampir 40 orang. Akibatnya, guru yang berasa terlalu berat dengan beban tugas itu tidak mempunyai banyak masa untuk membuat persediaan mengajar yang lebih baik di samping tidak dapat memberikan perhatian yang lebih banyak atau lebih serius kepada pelajar yang memerlukan teguran dan bantuan tatabahasaan. Akibat daripada beban tugas yang banyak itu juga guru boleh menjadi kurang kreatif.

Bagi guru yang mengajar mata pelajaran lain (bukan BM) pula, kebanyakannya mengakui bahawa pengetahuan tatabahasa mereka adalah terbatas kepada perkara yang dipelajari semasa di sekolah ataupun di institusi pengajian tinggi beberapa tahun yang lalu. Golongan ini jarang berminat untuk menambahkan pengetahuan tatabahasa yang tersedia. Mereka berpendapat bahawa tugas mereka hanyalah untuk menyampaikan isi-isi pelajaran tanpa mengambil tahu sama ada bahasa yang digunakan semasa mengajar mematuhi peraturan berbahasa ataupun tidak. Lagipun aspek kesilapan tatabahasa tidak diberikan perhatian secara khusus semasa membuat penilaian atau menyemak jawapan calon bagi mata pelajaran yang diajar oleh mereka.

4.4.3 Sukatan Pelajaran Yang Terlalu Luas dan Terperinci

Akhir sekali, terdapat juga guru yang mengatakan sukanan pelajaran BM di tingkatan 4 dan 5 terlalu luas dan terperinci. Akibatnya, sukar bagi guru untuk mengajar dan memberi latihan yang secukupnya kepada pelajar. Oleh sebab guru terpaksa berkejar untuk menghabiskan sukanan pelajaran yang luas dan terperinci, maka guru tidak sempat memberikan perhatian terhadap perkara-perkara lain terutamanya aspek tatabahasa.